



كوڤراسي كوسڤيتا مليسيا برحد

**KOPERASI KOSPETA MALAYSIA BERHAD**

NO 10, TINGKAT 1 JALAN 6/3A, PUSAT BANDAR UTARA,  
68100 BATU CAVES, KUALA LUMPUR

"PENCAPAIAN KE 35 DALAM INDEKS 100 KOPERASI TERBAIK 2021"

No Tel : 03-6036 6109  
: 03-6136 4336  
No Fax : 03-6138 4463  
Email : kospeta66@gmail.com  
Laman Web : www.kospeta.coop  
No WhatsApp : 011-5762 4018

Ruj. Kami : Bil. (02) dlm KKMB/6(A) Jld. II  
Tarikh : 07hb November 2022

**Semua Anggota,  
Koperasi KOSPETA Malaysia Berhad.**

*Assalamualaikum wr. wbt./Salam Sejahtera,*

Tuan/Puan,

**PEKELILING PERUBAHAN MODAL SYER MINIMUM ANGGOTA KOPERASI  
KOSPETA MALAYSIA BERHAD BIL. 02/2022**

**1. TUJUAN**

- 1.1. Pekeliling ini dikeluarkan bertujuan untuk menyampaikan kepada anggota-anggota Koperasi KOSPETA Malaysia Berhad mengenai perubahan baru yang telah dibuat oleh Lembaga Koperasi berkaitan dengan simpanan modal syer minimum dan taraf keanggotaan pekerja-pekerja yang sedang berkhidmat di Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) untuk menyertai Koperasi KOSPETA sebagai anggota baru.

**2. LATAR BELAKANG**

- 2.1. Tertakluk kepada Akta Koperasi 1993 dan Undang-Undang Koperasi (UUK) yang mensyaratkan semua anggota dalam Koperasi Kredit hendaklah menyimpan di dalam syer dan yuran. Kadar minimum modal syer bagi Koperasi KOSPETA adalah sebanyak RM500.00 (Ringgit Malaysia: Lima Ratus Sahaja) bagi setiap anggota Koperasi. Manakala kadar maksimum simpanan syer pula telah dihadkan sebanyak RM200,000.00 (Ringgit Malaysia: Dua Ratus Ribu Sahaja).
- 2.2. Bagi yuran bulanan anggota seperti yang diperuntukkan menurut perenggan 50(c) Akta Koperasi 1993 hendaklah sekurang-kurangnya RM30.00 (00 (Ringgit Malaysia: Tiga Puluh Sahaja) sebulan. Kadar simpanan yuran pula adalah tidak terhad kepada setiap anggota Koperasi KOSPETA.
- 2.3. Tujuan kedua-dua simpanan ini adalah untuk menjamin simpanan masa hadapan bagi setiap anggota Koperasi KOSPETA dan ianya merupakan wang simpanan atau wang bekal tua kepada setiap anggota.

- 2.4. Bagi Koperasi Kredit sepertimana Koperasi KOSPETA Malaysia Berhad, sandaran bagi setiap pembiayaan mestilah mempunyai syer minimum tidak kurang daripada RM500.00 (Ringgit Malaysia: Lima Ratus Sahaja) dan maksimum tidak melebihi RM200,000.00 (Ringgit Malaysia: Dua Ratus Ribu Sahaja). Manakala jumlah yuran mestilah tidak kurang daripada kadar enam (6) bulan simpanan terendah atau RM180.00
- 2.5. Sepertimana yang telah diputuskan oleh setiap kali Mesyuarat Agung, dividen dan syer anggota telahpun diisytiharkan untuk mendapat dividen yang berasingan. Dalam hal ini, Koperasi KOSPETA Malaysia Berhad telah memberikan dividen untuk syer sebanyak tidak kurang 10% manakala yuran bergantung kepada lebihan keuntungan terkumpul atau melebihi 6%.
- 2.6. Pelaburan anggota melalui syer dan yuran ini juga mampu untuk menjadi modal Koperasi dan tidak bergantung kepada sumber Institusi-institusi Kewangan dan Bank.
- 2.7. Bertindak atas kuasa-kuasa yang diberikan oleh Undang-undang Kecil (UUK) Koperasi KOSPETA maka pihak Lembaga telah bersetuju untuk menyemak semula dasar sedia ada bagi memberi ketahanan kepada Koperasi serta pulangan yang lebih tinggi kepada anggota melalui pelaburan mereka dalam saham dan yuran.
- 2.8. Dalam masa yang sama, kajian juga dibuat ke atas beban dan *Non-Performance Loan* (NPL) yang dihadapi oleh Koperasi yang disebabkan oleh dasar pengecilan saiz perkhidmatan di PBT, pelantikan secara *Contract Of Service* (COS) atau *Contract For Service* (CFS) serta penamatan perkhidmatan pekerja kontrak lebih awal disebabkan oleh apa-apa implikasi kewangan. Kesan ini secara langsung dan tidak langsung akan melibatkan pihak KOSPETA bagi mendapatkan baki hutang tertunggak yang tidak dapat dikutip daripada anggota-anggota yang telah ditamatkan perkhidmatan oleh pihak PBT.

### **3. KEPUTUSAN MESYUARAT AGUNG PERWAKILAN TAHUNAN KALI KE-40**

#### **3.1. Perubahan Kadar Syer Minimum**

- 3.1.1. Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan Koperasi KOSPETA Malaysia Berhad Kali Ke-40 yang bersidang pada **26.06.2022** telah bersetuju untuk menaikkan kadar modal syer minimum anggota daripada RM500.00 (Ringgit Malaysia: Lima Ratus Sahaja) kepada RM1,000.00 (Ringgit Malaysia: Satu Ribu Sahaja) tertakluk kepada Seksyen 33 Akta Koperasi 1993 (Akta 502).

- 3.1.2. Anggota-anggota dibenarkan membuat tambahan modal syer minimum ini sama ada **secara tunai** atau **tambahan potongan gaji** anggota.
- 3.1.3. Bagi anggota yang membuat pinjaman dan masih belum mencukupi jumlah syer minimum tersebut, **Koperasi akan membuat potongan secara *one-off* dari pinjamannya** bagi mencukupkan jumlah syer minimum yang ditetapkan iaitu sebanyak RM1,000.00 (Ringgit Malaysia: Satu Ribu Sahaja).

**Berkuatkuasa mulai 01 Januari 2023.**

#### **4. PERMOHONAN**

- 4.1. Anggota Koperasi boleh membuat permohonan pembiayaan dengan memuat turun Borang Permohonan di laman web KOSPETA atau memohon secara dalam talian (*online*) melalui laman web [www.kospeta.coop](http://www.kospeta.coop). Ketua jabatan boleh memberi kelulusan secara emel di talian [kospeta66@gmail.com](mailto:kospeta66@gmail.com) atau *WhatsApp* di talian **+(60)11-57624018** kepada pihak Koperasi.
- 4.2. Pihak Koperasi amat menghargai di atas pembiayaan yang dibuat oleh anggota-anggota Koperasi selama ini. Kerjasama amatlah diharapkan dan pihak Koperasi dahului dengan ucapan terima kasih.

**“MENABUNGLAH UNTUK HARI TUA”**

Yang Berkhidmat,



**(DATO' HAJI ADNAN BIN MAT),**  
*Setiausaha*  
Koperasi KOSPETA Malaysia Berhad

*D'AM/na*